



**FALSAFAH SENI ISLAM MENURUT SEYYED HOSSEIN NASR,
MUHAMMAD IQBAL DAN HAZRAT INAYAT KHAN: SUATU
ANALISIS EPISTEMOLOGI ESTETIK**

***THE PHILOSOPHY OF ISLAMIC ART ACCORDING TO SEYYED
HOSSEIN NASR, MUHAMMAD IQBAL, AND HAZRAT INAYAT
KHAN: AN EPISTEMOLOGICAL ANALYSIS OF AESTHETICS***

Mohamad Azizie Nordin¹, Saiful Akram Che Cob¹

Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Faculty Art and Design, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Makalah ini membincangkan perspektif beberapa tokoh utama terhadap seni dalam konteks Islam dan moden, termasuk Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal, dan Hazrat Inayat Khan. Nasr menekankan kepentingan seni sebagai manifestasi ilmu suci (scientia sacra) dan pemulihan tradisi spiritual yang terhapus oleh kemodenan yang bersifat desakral dan materialistik. Beliau mengklasifikasikan seni Islam kepada empat kategori sakral, tradisional, keagamaan dan profan. Iqbal pula melihat seni sebagai ekspresi ego yang aktif dan daya cipta yang menzahirkan peranan manusia dalam memperindah dunia ciptaan Tuhan, serta menekankan keperluan jati diri dalam penghasilan seni. Sementara itu, Hazrat Inayat Khan menyoroti muzik sebagai bentuk ekspresi tertinggi yang membawa manusia kepada keharmonian ilahiah, dengan muzik dianggap sebagai asas kewujudan dan saluran untuk pencerahan rohani. Kajian ini menegaskan bahawa seni tidak hanya bersifat estetika, tetapi merupakan jalan spiritual dan intelektual yang menyatukan manusia dengan fitrah dan ketuhanan.

Keywords: Seni Islam, Scientia Sacra, jati diri, muzik spiritual, tradisi, ekspresi

This paper explores the perspectives of key figures on art within Islamic and modern contexts, focusing on Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal, and Hazrat Inayat Khan. Nasr highlights art as a manifestation of sacred knowledge (scientia sacra) and the revival of spiritual traditions lost to the desacralized and materialistic modern world. He classifies Islamic art into four categories: sacred, traditional, religious, and profane. Iqbal views art as an expression of the active ego and creative force that enhances God's creation, stressing the need for identity in artistic production. Meanwhile, Hazrat Inayat Khan presents music as the highest form of expression that connects the soul to divine

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

****Corresponding Author:***

*Mohamad Azizie Nordin, Fakulti
Pengurusan dan Informatik
Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah*

[Email:azizie@unipsas.edu.my](mailto:azizie@unipsas.edu.my)

harmony, where music is seen as the foundation of existence and a medium for spiritual enlightenment. This study affirms that art is not merely aesthetic but a spiritual and intellectual path that reconnects humanity to its essence and the Divine.

Keywords: *Islamic art, Scientia Sacra, identity, spiritual music, tradition, expression*

PENGENALAN

“Kalau wadah ilmu kita besar, perbezaan apapun boleh masuk ke dalam semesta pemikiran kita sehingga kita tidak akan mudah terpengaruh dan tertipu.” (Marder, 2024)

Seyyed Hossein Nasr, merupakan sosok yang berkiblatkan kepada tradisionalisme. Hal ini juga kerana beliau ingin menghidupkan tradisi berfikir, khazanah-khazanah, dimensi-dimensi dan hikmah-hikmah lama yang terjerus oleh dunia moden yang tidak bijaksana. Beliau menyebut bahawa dunia moden pada dasarnya adalah “misosophia”, iaitu dunia yang cenderung membenci dan tidak mencintai kebijaksanaan, bukan “philosophia”. Teori Nasr ini dikenali sebagai Scientia Sacra, iaitu ilmu pengetahuan suci. Teori Nasr ini dikenali sebagai ‘Scientia Sacra’, iaitu ilmu pengetahuan suci.

Ilmu hari ini menjadi keperluan manusia, padahal dalam agama ilmu ini adalah cahaya dan anugerah dari Allah. Dengan itu, ekonomisme, materialisme dan gaya moden Barat ini dikenali sebagai ‘*degradasi inteligensi*’ (kemerosotan kecerdasan), IQ, logik dan ‘*desakralisasi pengetahuan*’ iaitu ilmu tidak dianggap suci bersifat duniawi (Handoko et al., 2023).

Karakter Seni Islam

Dalam Islam, seni tidak hanya dilihat sebagai bentuk ekspresi estetika, tetapi juga sebagai manifestasi keagamaan. Nasr pun bernada, dalam Islam pun tiada yang disebut sepenuhnya sekular. Misalnya, saya minum air. Ini merupakan urusan dunia, tetapi jika bercakap “Bismillahirrahmanirrahim” sekarang menjadi sudah menjadi urusan dunia. Justeru, hakikat seni Islam juga ialah bersumberkan dari Ilahi, ekspresi, spiritualiti Islam melalui media, sosiobudaya dan bertujuan mengungkap keesaan Tuhan, kesementaraan makhluk, kesementaraan dunia dan segala hal yang positif dalam semesta. Secara esensi, terdapat tiga jenis seni melalui pengamatan Nasr, S. H. (2006):

a) Seni Sakral

Seni yang berhubungan langsung dengan agama dan spiritual, sehingga tidak ada yang boleh membantah bahawa itu adalah seni yang berasal dari praktik keagamaan. Misalnya, seni sakral qiraah dan kaligrafi. Kalau kaligrafinya bertuliskan ayat al-Quran itu sudah pasti masuk seni sakral Nasr, S. H. (1981).

b) Seni Tradisional

Seni yang menggambarkan prinsip-prinsip agama dan spiritual, tetapi secara tidak langsung. Nasr membezakan seni sakral dan seni tradisional melalui pedang. Pada abad pertengahan, umat Islam, Kristen mahupun Yahudi sama-sama membuat pedang. Jika dicermati, dalam agama Shinto, Jepun


pedang adalah suatu tatanan simbolik sakral. Hal ini juga kerana pedang ini menjadi suci kerana merupakan alat dalam ibadah mereka Nasr, S. H. (1987).

c) Seni Keagamaan

Seni yang subjeknya atau fungsinya bertema keagamaan, namun bentuk atau cara pelaksanaannya tidak bersifat tradisional. Seni ini terlihat seperti bertemakan agama, namun maknanya tidak boleh keseluruhannya disambungkan dengan agama. Sebagai contohnya, antara bidang seni yang diuraikan oleh Nasr ialah karya seni lukis Barat dari zaman Pembaharuan (Renaissance) serta beberapa lukisan bertema keagamaan di Dunia Timur pada abad ke-21 yang memperlihatkan pengaruh seni Eropah (Nasr, 2006).

d) Seni Keduniaan

Seni keduniaan ini tiada hubungan dengan agama dalam aspek kehidupan. Muzik yang didengari setiap hari adalah seni profan, namun kadang-kadang cara penafsiran terhadap lirik, mesej, atau konteks muzik boleh menentukannya sama ada ia tetap duniawi atau memperoleh dimensi moral, rohani, atau simbolik tertentu. Contohnya, pengalaman mendengar muzik dangdut Rhoma Irama semasa zaman kanak-kanak di kampung dapat meninggalkan kesan memori yang mendalam. Apabila muzik yang sama didengarkan semula pada masa dewasa, ia boleh membangkitkan nostalgia dan refleksi terhadap pengalaman lampau, kadangkala disertai rasa terkejut atau menyesal (“Astagfirullah”).



Rajah 1: Kategori Seni Berdasarkan Hubungan dengan Agama

OBJEKTIF

1. Untuk menganalisis pemikiran Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal dan Hazrat Inayat Khan berhubung falsafah seni Islam dalam kerangka epistemologi estetik.
2. Untuk meneliti hubungan antara seni, agama dan epistemologi dalam wacana falsafah Islam menurut ketiga-tiga tokoh tersebut.
3. Untuk mengeksplorasi simbol, makna dan nilai estetik sebagai manifestasi pandangan falsafah seni Islam yang berteraskan spiritualiti dan tradisi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan memberi penekanan kepada analisis teks dan wacana falsafah. Data dikumpulkan daripada karya-karya Data dikumpulkan daripada karya-karya Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal dan Hazrat Inayat Khan, termasuk penulisan, kuliah, serta rakaman ceramah yang berkaitan dengan falsafah seni Islam. Sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, serta literatur akademik turut digunakan untuk menyokong analisis. Kaedah analisis melibatkan gabungan analisis wacana kritis, analisis hermeneutik, serta analisis epistemologi estetik bagi meneliti gagasan seni Islam menurut pemikiran Data dikumpulkan daripada karya-karya Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal dan Hazrat Inayat Khan. Fokus diberikan pada konsep-konsep utama yang dibincangkan, termasuk hubungan antara seni, agama dan epistemologi Islam.

Skop kajian difokuskan kepada pemahaman falsafah seni Islam dalam kerangka pemikiran Data dikumpulkan daripada karya-karya Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal dan Hazrat Inayat Khan, serta relevansinya terhadap perkembangan wacana estetik kontemporari. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi sumber, konsistensi interpretasi dengan teori falsafah Islam, serta reflektiviti penyelidik dalam menilai kedudukan epistemologi dan konteks budaya semasa.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Seni sebagai Ekspresi Ego dan Daya Cipta dalam Pemikiran Iqbal

“Seni harus boleh memanusiakan manusia, bukan menghewankan manusia, tidak mengibliskan manusia dan apalagi menuhankan manusia” (Ayyaz et al., 2024)

Teori ini cukup mirip dengan Nietzsche iaitu manusia berdiri sendiri, tidak ditelan zaman, tangguh, siap menghadapi rintangan zaman, punya hasrat dan cita-cita. Di antara karakter seseorang yang egonya hidup adalah berkesenian. Jadi, salah satu ekspresi ego adalah seni. Pada masa yang sama, tindakan tersebut dianggap tidak sah dari segi etika apabila dilakukan secara egosentrik. Meminjam istilah Nietzsche, individu biasa tidak mencapai tahap *Übermensch* (manusia unggul). Hal ini juga kerana kelemahan umat Islam adalah tidak berani tegak sendiri (Iqbal, M., 1930).

Kritik terhadap Peniru

Plato dan Aristotle mendefinisikan seni ini sebagai tiruan atau “mimesis”. Manusia melalui kegiatan estetik ini seharusnya tidak meniru alam, tapi memperbaiki alam (Iqbal, M.1994). Falsafah ini mirip dengan falsafah Jawa, yakni “memayu hayuning bawana” (memperindah dunia yang hakikatnya memang sudah indah).

Ciri Seni Islam yang Pertama: Karya Kreatif

Dalam pandangan Iqbal, ciri pertama seni Islam adalah kreatif. Dunia bukan sesuatu yang hanya perlu dilihat dan dikenal oleh konsep-konsep tentang dunia melainkan perlu dibentuk dan dibentuk lagi. Allah sudah memberikan keindahan dunia dan kitalah yang membentuknya agar dunia lebih indah. . Gagasan ini dapat dilihat dalam puisinya yang menggambarkan manusia sebagai pelengkap kepada ciptaan Tuhan (Iqbal, 1930). Justeru, Iqbal menulis puisi yang cukup terkenal iaitu;

Tuhan menciptakan dunia dan
Manusia membuatnya lebih indah
Apakah manusia ditakdirkan
Untuk menjadi saingan Tuhan?

Engkau menciptakan malam, aku menciptakan lentera
Engkau menciptakan lempung, aku menciptakan cawan
Engkau menciptakan padang pasir, gunung dan rimba

Aku menciptakan kebun, taman, dan hutan buatan
Akulah yang membuat batu menjadi cermin
Akulah yang mengubah racun menjadi ubat
Kebesaran manusia terletak pada daya ciptanya
Bulan dan bintang hanya mengulang
Kewajiban yang ditetapkan atasnya

Ciri Seni Islam yang Kedua: Ekspresi Jati Diri sang Seniman

Tunjukkan dirimu, buatlah orang sedar tentang siapa dirinya. Kenapa Iqbal menekankan hal tersebut. Hal ini kerana ramai Iqbal melihat ramai orang terpesona dengan Barat dan kemudian melupakan jati diri mereka termasuk dalam hal seni. Akhirnya, identiti ketimuran mereka hilang.

Di negeri ini berjangkit kematian imaginasi
Kerana seni asing dan mengikuti Barat
Kulihat awan kelabu dan Behzad masaku
Merombak Dunia Timur yang kemilau nan abadi

Wahai para seniman di Timur
Usai sudah kreasi masa kini dan masa lalu
Berapa banyak kreasi tercipta
Tunjukkan kepada kami peribadi
Pada semua bidang membubung tinggi

Hazrat Inayat Khan

"Muzik itu istimewa ia mampu menghantar jiwa menuju ranah ketuhanan, ke wilayah ilahiah yang tidak berbentuk dan bebas dari sebarang pemujaan berhala." (Latif, 2025)

Slogan beliau adalah “Cinta, harmoni dan keindahan”. Dengan itu, beliau menekankan bahawa kehidupan yang dijalani secara penuh dan seimbang akan melahirkan cinta serta harmoni. Apabila harmoni dicapai, ia akan muncul secara semula jadi dalam kehidupan, dan kesan yang terlihat adalah keindahan (Lings, M. 1987). Justeru, persoalan yang muncul ialah mengapa dimensi muzik boleh direalisasikan dalam bunyi dan muzik. Di sini beliau akan memberikan jawapan, yakni;

“Apa yang tidak dapat dijelaskan oleh ilmu pengetahuan, seni dapat mencuba untuk menafsirkannya. Apa yang tersampaikan oleh seni dapat disuarakan melalui puisi. Namun apabila puisi tidak mampu menjelaskan makna secara sepenuhnya, muzik dapat mengekspresikannya. Sesiapa yang memahami misteri getaran muzik ini, dia dapat mengerti segala hal” (Inayat Khan, 1996).

Muzik dan Harmoni

Muzik dipilih kerana ia merupakan miniatur atau cerminan keharmonisan alam semesta. Alam memiliki irama dan ritma tersendiri, dan ritma inilah yang menjadi bahan asas bagi muzik. Menurut falsafah Hazrat Inayat Khan, dasar kehidupan adalah harmoni, yang dapat digambarkan melalui muzik Meymandi, A. (2010).

Muzik dan Penghayatan Ilahiah

Muzik adalah irama kehidupan, lebih dahsyat lagi, kata Inayat. Menurut Inayat, muzik bukan sekadar irama kehidupan, tetapi merupakan suatu fenomena yang lebih mendalam dan berkuasa kerana ia mencerminkan getaran serta dinamika jiwa manusia. Menurut pandangan rohani, muzik dianggap sebagai salah satu medium atau alternatif bagi manusia untuk mendekatkan diri kepada Tuhan. Kita mengenali Tuhan melalui semua jenis kesenian dan ilmu pengetahuan. Namun, hanya dalam muzik, kita mengenali Tuhan yang bebas dari segala bentuk dan pemikiran.

Justeru, agama tidak selalu memerlukan kata-kata. Agama tidak selalu memerlukan ilustrasi verbal. Kadang-kadang agama cukup disampaikan melalui muzik, senyuman tawa atau dengan sekuntum bunga, dan orang boleh tercerah disebabkan. Dalam bahasa Islam, mendapat pencerahan mungkin sama mendapat hidayah dari Allah.

Muzik: Dasar Eksistensi

Muzik adalah dasar eksistensi. Sebelum seorang bayi akan mengenal warna atau bentuk, menurut Inayat dia akan menikmati bunyi terlebih dahulu (Ali, W. 2010). Muzik adalah jalan bagi manusia untuk sepenuhnya mengekspresikan perasaan dan emosinya. Muzik mengisi masa lapang dengan kehidupan, antusiasme, emosi dan ghairah. Misalnya, sejak dari fasa bayi, manusia telah menunjukkan kepekaan terhadap ritma melalui tindak balas terhadap bunyi, pergerakan, dan pola interaksi dengan persekitaran. Meskipun belum memiliki kata-kata yang boleh difahami tangisan bayi ada irama dan nadanya. Misalnya, “Nguaa”....berhenti sebentar ‘ngua’ lagi dan seterusnya (Erzen, J. N. 2007).

Muzik dan Spiritualiti

Spiritualiti merujuk kepada aspek dalaman manusia yang berkaitan dengan pencarian makna hidup, hubungan dengan kuasa transenden, serta keharmonian dengan diri, manusia lain, dan alam sekitar. Mereka ingin kata-kata tindakan dan perilaku mereka harmonis dengan alam semesta. Spiritual jika dicermati adalah menjalankan mode hidup yang selaras dengan simfoni alam semesta.

Suluk Melalui Jalan Muzik

Menjadikan muzik sebagai spiritual adalah ‘*tajarrud*’ dan ‘*tawajjud*’. *Tajarrud* adalah membebaskan diri dari apapun dari ketergantungan, kecuali Allah. Muzik boleh membantu individu mencapai keadaan *tajarrud*, iaitu pelepasan diri daripada keterikatan emosi dan beban kehidupan. Misalnya, apabila seseorang berdepan dengan pelbagai masalah, mendengar muzik dapat menimbulkan rasa tenang dan melegakan tekanan (Burckhardt, 2009).

KESIMPULAN

Seni dalam Islam bukan sekadar ekspresi visual, tetapi merupakan cerminan dimensi spiritual, tradisi dan jati diri yang mendalam. Pandangan Seyyed Hossein Nasr menggariskan bahawa seni harus kembali kepada akar tradisional dan nilai-nilai sakral yang telah tercabut oleh arus moden yang bersifat materialistik dan desakral. Melalui kategorisasi seni sakral, tradisional, keagamaan dan profan Nasr menunjukkan bahawa seni dalam Islam memiliki struktur hierarki nilai, yang membezakan antara bentuk seni yang mendekatkan manusia kepada Tuhan dan yang sekadar hiburan semata-mata. Iqbal pula menekankan seni sebagai ekspresi ego dan daya cipta manusia yang bertujuan memperindah ciptaan Tuhan, bukan meniru semata-mata. Seni menurut Iqbal adalah jalan untuk mengangkat martabat insan melalui kreativiti dan penegasan jati diri, bukan menjadi peniru budaya Barat hingga kehilangan identiti ketimuran.

Sementara itu, Hazrat Inayat Khan memperlihatkan muzik sebagai bentuk seni tertinggi yang mampu menghubungkan manusia dengan Tuhan tanpa perlu kata-kata. Muzik adalah irama semesta, medium rohani yang membimbing manusia kepada keharmonian dan kesedaran ilahi. Melalui bunyi dan getarannya, muzik bukan sahaja menyentuh jiwa, tetapi menjadi jalan suluk dan penyingkapan

makna ketuhanan.

Secara keseluruhan, seni dalam wacana ini tidak hanya menjadi wadah ekspresi, tetapi juga menjadi medium penyatuan antara manusia, spiritualiti dan Tuhan baik melalui kaligrafi, lukisan, mahupun muzik. Dalam dunia yang semakin terpisah daripada nilai-nilai sakral, gagasan para tokoh ini menyeru kepada pengembalian seni kepada makna yang lebih hakiki dan suci.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penulisan Falsafah Seni Islam Menurut Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal Dan Hazrat Inayat Khan: Suatu Analisis Epistemologi Estetik.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya dalam memperkukuh perbincangan tentang falsafah seni Islam, pemikiran Seyyed Hossein Nasr, Muhammad Iqbal dan Hazrat Inayat Khan dan analisis epistemologi estetik.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Azizie Nordin (Idea dan reka bentuk kajian; analisis falsafah; penulisan draf asal; penyuntingan kandungan). Saiful Akram Che Cob (Reka bentuk metodologi; pemilihan data dan sumber rujukan falsafah; pengesahan analisis; penulisan, sokongan akademik dan semakan akhir).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong hasil dapatan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Ali, W. (2010). Contemporary Islamic art: Continuity, innovation, and revival. *Art Journal*, 69(4), 6–25. <https://doi.org/10.1080/00043249.2010.10791392>
- Ayyaz, I., Rizvi, S., Mahmood, A., & Iram, N. (2024). The human nature: an artistic reflection on origin, infinity, and self-realisation. *Liberal Arts & Social Sciences International Journal*, 8(2), 186–218. <https://doi.org/10.47264/idea.lassij/8.2.10>
- Burckhardt, T. (2009). *Art of Islam: Language and meaning*. Bloomington, IN: World Wisdom. <https://www.worldwisdom.com/public/products/9781933316578.aspx>
- Erzen, J. N. (2007). Islamic calligraphy: Sacred art and sacred text. *Religion & the Arts*, 11(4), 389–

410. <https://doi.org/10.1163/156852907X243697>

- Handoko, S. B., Suteja, S., Hania, I., & Kafrawi, S. (2023). Modernism and Crisis: Seyyed Hossein Nasr's Idea on Spiritual Intelligence and Its Relevance Today. *Teosofia: Indonesian Journal of Islamic Mysticism*. <https://doi.org/10.21580/tos.v12i2.18913>
- Inayat Khan, H. (1996). *The mysticism of sound and music: The Sufi teaching of Hazrat Inayat Khan*. Boston, MA: Shambhala Publications. <https://www.shambhala.com/the-mysticism-of-sound-and-music-1847.html>
- Iqbal, M. (1915). *Asrar-i-Khudi (The Secrets of the Self)*. Translated by Reynold A. Nicholson. Macmillan.
- Iqbal, M. (1930). *The Reconstruction of Religious Thought in Islam*. Oxford University Press.
- Iqbal, M. (1930). *The reconstruction of religious thought in Islam*. Oxford, UK: Oxford University Press. <https://archive.org/details/TheReconstructionOfReligiousThoughtInIslam>
- Iqbal, M. (1994). *Gabriel's wing: A study into the religious ideas of Sir Muhammad Iqbal* (A. Schimmel, Ed.). Leiden, Netherlands: Brill. <https://brill.com/view/title/27877>
- Latif, M. A. (2025). Music in religion. *Theology*, 128(1), 41–47. <https://doi.org/10.1177/0040571x241307357>
- Lings, M. (1987). The nature and function of art in Islam. *Islamic Quarterly*, 31(3), 131–140. <https://archive.org/details/TheNatureAndFunctionOfArtInIslamMartinLings>
- Marder, E. (2024). What happened to the pursuit of truth? *The Journal of General Physiology*, 156(11). <https://doi.org/10.1085/jgp.202413672>
- Meymandi, A. (2010). Sufism, Hazrat Inayat Khan, and his music. *Psychiatry (Edgmont)*, 7(7), 47–51.
- Anshari, U. (2024). Estetika Musik Sufi Hazrat Inayat Khan. *Koloni: Jurnal Seni dan Humaniora*, 3(2). <https://doi.org/10.31004/koloni.v3i2.614>
- Nasr, S. H. (1981). *Knowledge and the sacred*. Albany, NY: State University of New York Press. <https://www.sunypress.edu/Books/K/Knowledge-and-the-Sacred>
- Nasr, S. H. (1987). *Islamic art and spirituality*. Albany, NY: State University of New York Press. <https://sunypress.edu/Books/I/Islamic-Art-and-Spirituality>
- Nasr, S. H. (2006). *The need for a sacred science*. Albany, NY: State University of New York Press. <https://www.sunypress.edu/Books/N/Need-for-a-Sacred-Science-The>